

2


# Bahan Mentah Dalam Konkrit



## 2.1 PENGENALAN

Dalam menghasilkan konkrit, terdapat beberapa bahan utama yang diperlukan iaitu:-


1. Simen
2. Agregat kasar dan halus
3. Air
4. Bahan tambah



## 2.2 SIMEN

Merupakan bahan yang dihasilkan melalui pembakaran campuran batu kapur dan tanah liat. Simen mempunyai sifat lekitan dan lekatan yang membolehkannya mengikat bahan-bahan pasir dan batu untuk menghasilkan konkrit. Terdapat beberapa jenis simen iaitu:

1. Simen Portland Biasa
2. Simen Portland Mengeras Cepat
3. Simen Portland Haba Rendah
4. Simen Portland Penahan Sulfat
5. Simen Portland Diubahsuai
6. Simen Portland Relau Bagas
7. Simen Portland Alumina Tinggi



### 2.2.1 Simen Portland Biasa

- Merupakan simen paling biasa dan banyak digunakan. Biasanya digunakan dalam pembinaan konkrit umum di tempat-tempat yang tidak terdapat sulfat atau air dalam tanah
- Merupakan bahan asas bagi konkrit, mortar pembinaan dan plaster
- Terdiri daripada campuran kalsium oksida, silikon dioksida dan aluminum oksida
- Simen Portland dan bahan seumpamanya dihasilkan dengan memanaskan batu kapur (sumber kalsium) dengan selut dan menggiling

